



11 Disember 2015
11 December 2015
P.U. (A) 288

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (PERSIMPANGAN BERTINGKAT SERI KEMBANGAN) 2015

FEDERAL ROADS (SERI KEMBANGAN INTERCHANGE) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

**PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(PERSIMPANGAN BERTINGKAT SERI KEMBANGAN) 2015**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan) 2015.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 13 Disember 2015.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Persimpangan Bertingkat Seri Kembangan yang merupakan sebahagian daripada Lebuhraya Maju Expressway, bermula di kilometer 14.83 di koordinat S 72247.638, T 19729.854, Grid Rectified Skew Orthomorphic (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 17.06 di koordinat S 74372.982, T 19611.385, Grid (RSO) Geosentrik (GDM 2000) Lebuhraya Maju Expressway, kedua-dua jarak diukur dari kilometer 0.00 Lebuhraya Maju Expressway di Persimpangan Bertingkat Tun Razak, termasuklah Tanjakan Keluar dan Masuk dari dan ke KLIA dan Putrajaya, Tanjakan Keluar dan Masuk dari dan ke Bukit Jalil dan Jalan Tun Razak, Plaza Tol Keluar dan Masuk Seri Kembangan dan jalan sambungannya dan berakhir di koordinat S 75037.959, T 20161.944, Grid RSO Geosentrik (GDM 2000), diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

JADUAL

PETA PERSIMPANGAN BERTINGKAT SERI KEMBANGAN

